

→ MUKA SEPULUH

DARI KACA MATA

Prof Emeritus
Datuk Dr Ibrahim Komoo
Ketua Kluster, Sumber Asli
dan Alam Sekitar, Majlis Profesor
Negara dan Felo Utama, LESTARI-UKM



Program penyelidikan universiti juga perlu bertransformasi melampaui batas penyelidikan fundamental"

Transformasi terpenting bagi sesebuah universiti ialah iltizam ke arah kecemerlangan"

Banyak universiti terkemuka dunia menyatakan dengan jelas, nilai teras utamanya ialah 'mengejar kecemerlangan'"

Transformasi UA perlu berciri kecemerlangan

K erajan dan masyarakat mencadangkan transformasi menyeluruh bagi memastikan negara berada pada kedudukan terbaik dan bersedia mengharungi cabaran masa depan. Universiti Awam (UA) juga tidak ketinggalan menerima tekanan untuk bertransformasi. Berhadapan dengan perubahan bukan mudah, organisasi perlu mempunyai asas kukuh dan matlamat jelas. Pada masa ini, tiga alasan utama UA perlu bertransformasi ialah untuk mengurangkan kebergantungan dana awam, mendekati keperluan membangun masyarakat dan meningkatkan ranking dunia.

Usaha mengalakkan UA menjana pendapatan sendiri sehingga mencapai 30 peratus menjelang 2020 sememangnya berasas dan perlu dijadikan agenda penting. Pendapatan ini boleh digunakan untuk meningkatkan autonomi kewangan dan memberikan kebebasan universiti mengurus keperluan perjawatan, program penyelidikan dan perkhidmatan, lazimnya sukar diberi oleh kerajaan. Begitupun, prasyarat penting menjana pendapatan sendiri ialah keperluan berpaksikan kepada urusan teras universiti, iaitu pendidikan, penyelidikan dan perkhidmatan akademik.

Sementara program pengajaran dan pembelajaran tradisi masih kekal dan dibiaya oleh dana

awam, universiti boleh memperkenalkan program berinovasi bagi meningkatkan kemahiran aras tinggi, peluang perniagaan baharu dan kemahiran profesional. Program begini boleh bersifat kursus bersjulat, program diploma, berjaya sarjana muda dan sarjana. Dalam konteks ini, fakulti dan pusat pengajaran perlu bertransformasi bagi menyediakan kemudahan prasarana dan keparisan yang bersesuaian dengan peranan baharu muncul ini.

UA tersepit

Program penyelidikan universiti juga perlu bertransformasi melampaui batas penyelidikan fundamental iaitu usaha mencari kebenaran. Sementara kepentingan penyelidikan ukur ilmu masih penting untuk menjana idea baharu dan penerbitan berimpak tinggi, strategi memerlukan wawasananya ke arah penyelidikan gunaan dan pembangunan perlu ditingkatkan. Penyelidikan individu untuk memperkasa kepakaran (kesarjanaan) kini perlu dilatih sebagai tugas asas, sementara pembinaan pasukan penyelidik yang terorganisasi dalam bentuk kumpulan, pusat dan institut perlu diperkasa.

UA di Malaysia tersebut di antara tuntutan tradisi keilmuan dan kehendak iltizam politik semasa. Dalam situasi terbaru, kerajaan memayarkan semua universiti memperkasa gagasan Universiti 4.0

yang berperanan menyokong keperluan Revolusi Industri (IR) 4.0. Semua jentera dan fungsi universiti, khususnya penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan diminta untuk menyokong gagasan IR4.0 ini. Jika diteiti secara mendalam, universiti sebenarnya salah 'kilang IR4.0' dengan sifatnya 'penyelidikan' akan ufuk ilmu dan institusi mendahului zaman'. Kebanyakan universiti, ahli akademik dan sarjana mereka sentiasa dirujuk oleh peneraju industri dalam membangukan inovasi teknologi baru.

Begitupun, universiti juga sebuah gedung ilmu tempat kepelbagaian diraihkan dan kepentingan tempatan diutamakan. Universiti bertanggungjawab membangunkan pelbagai ilmu, daripada ilmu saintis sosial, sairis tulen dan teknologi, serta semua bidang ikhtisas yang diperlukan oleh negara. Dalam konteks ini, pembangunan insan dan pemikiran dalam pelbagai bidang dan kemahiran aras tinggi menuntut urusan pembangunan insan terimbang diutamakan dan permodenan diraihkan. Tidak semua ini berkaitan dengan IR4.0, sebaliknya lebih bersifat membangunkan insan masa depan yang mempunyai sistem nilai murni yang kukuh, kebijaksanaan dan berwawasan, serta mempunyai kemahiran mencipta masa depan yang gemilang.

Sementara universiti perlu pada dengan kehendak semasa dan alkali bertransformasi pada peringkat kebangsaan dan global, memperkuatkan bakat ilmuwan dan tanggungjawab awas perlu mendapat perhatian utama. Dalam konteks peranannya teras iaitu penyelidikan, pendidikan dan perkhidmatan akademik, universiti perlu memberikan fokus kepada kekuatan, keupayaan atau manfaat penubuhannya.

Bukan sekadar mengejar KPI

Transformasi terpenting bagi sebuah universiti ialah iltizam ke arah kecemerlangan. Kecemerlangan bukan sekadar memenuhi Petunjuk Prestasi Utama (KPI) atau mencapai piawaian, ia bersifat lebih baik daripada terbaik, atau kualiti paling tinggi (unggul). Bagaimana boleh jika kualiti universiti hanya bersifat biasa-biasa, sedangkan institusi ini menghasilkan bakal pemimpin politik, pemimpin teknokrat dan korporat.

masa depan. Banyak universiti terkemuka dunia menyatakan dengan jelas, nilai teras utamanya ialah 'mengejar kecemerlangan'. Keseluruhan ekosistem universiti perlu dibudayakan berteraskan kecemerlangan dan aktivitiinya dinilai berdasarkan sumbangan (hasilan) yang cemerlang.

Universiti diwujudkan untuk memenuhi kehendak pelbagai pelanggan - ilmuwan global, mahasiswa dan masyarakat awam. Ilmuwan global ialah pelanggan tidak ketara terpenting bagi menentukan kecemerlangan sebuah universiti. Dalam konteks keilmuan, mereka dikenali sebagai rakan kesepakaran (paka dalam bidang sama) dan keserakan (bukan dalam bidang kesepakaran). Hasilan penyelidikan fundamental dan penerbitan ilmiah yang menjadi kayu ukuran pencapaian akademik universiti pada masa ini hanya dapat dinilai dan dibandingkan oleh golongan ini.

Pelajar atau mahasiswa pula ialah pelanggan terpenting universiti. Mereka tetamu sementara, boleh berada dalam kampus antara tiga hingga sembilan tahun bergantung kepada program pengajian yang diikuti. Di sinilah mereka berguru, menimba ilmu dan membina perwatakannya sebagai siswazah. Kualiti program dan kecemerlangan penyampaian matlamat utama dan akhirnya graduan yang dihasilkan mampu menjadi pemimpin pelbagai sektor pembangunan negara.

Masyarakat awam, terutama agensi kerajaan, industri dan komuniti setempat juga pelanggan istimewa universiti. Agensi kerajaan mengharapkan penasihat daras dan pendekatan terbaru untuk membuat keputusan bermaklum, pihak swasta mengharapkan teknologi baharu bagi merekalkan kelebihan bersaing, sementara komuniti pula sentiasa dahagakan keperluan intelek untuk runjukkan jalan yang benar.

Ringkasnya, transformasi universiti perlu bersandarkan wawasan keilmuan, bercirikan kecemerlangan dan pemimpin mendahulu zaman. Bukan sekadar memenuhi KPI atau MyRA, tetapi impak kepada pembangunan industri, ke sejahteraan masyarakat dan perubahan minda pemimpin politik serta masyarakat yang dahagakan penyelesaian masa hadapan.

Sidang redaksi

Ketua Pengarang NSTP
Dato' Yushalmi Yahaya
yushem@nst.com.my

Pengarang Eksekutif Kanan Integrasi NSTP
Saidon Idris
saidoni@bh.com.my

Pengarang Eksekutif Bentuk Harian
Datuk Ahmad Zaini Kamaruzzaman
madzaini@bh.com.my

BH diterbitkan oleh The New Straits Times Press (M) Bhd, 31 Jalan Riong, 59100 Kuala Lumpur
Tel: 1-300-226787 Faks: 03 20567081
Laman Web: www.bharian.com.my E-mel: bhrengcan@bh.com.my